

Naib Canselor UMS adakan kunjungan hormat terhadap TYT



KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin mengadakan kunjungan hormat terhadap Yang Dipertua Negeri Sabah Tun

Juhar Mahirruddin di Istana Negeri, pagi Rabu. Beliau berkata tujuan kunjungan hormat adalah untuk menjemput Juhar ke Majlis Anugerah Hal Ehwal Pelajar UMS pada 30 April

nanti. "Seramai 550 orang akan terlibat dalam majlis itu yang akan diberi anugerah iaitu Anugerah Secara Berkumpulan, Individu dan Anugerah Khas.

sahaja program di UMS," katanya. Hadir sama dalam kunjungan itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Profesor Dr Ismail Ali serta Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dr Rasid Mail.

D KAMARUDIN (kiri) bersama rombongan merakam gambar kenangan bersama Juhar.

- Gambar PENERANGAN